

07 OCT 1996

Malaysia-Indonesia (Dengan Gambar)
ISU SIPADAN/LIGITAN KE MAHKAMAH DUNIA

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Malaysia dan Indonesia hari ini memutuskan untuk menyelesaikan isu pertindihan tuntutan terhadap kepulauan Sipadan dan Ligitan yang berlarutan selama 27 tahun apabila mereka bersetuju membawa perkara itu ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) bagi membuat keputusannya.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata keputusan itu dibuat pada mesyuarat antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Suharto yang sedang dalam lawatan kerja dua hari ke Malaysia.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat selama dua jam di Jabatan Perdana Menteri itu, Abdullah berkata kedua-dua pemimpin telah melahirkan hasrat supaya isu itu diselesaikan secara baik tanpa membangkitkan sebarang kerumitan dan ketegangan.

"Mereka membuat keputusan supaya perkara itu dirujuk kepada pihak ketiga dan yang paling baik dalam hal ini ialah melalui ICJ," kata beliau.

Malaysia dan Indonesia akan mengemukakan perkara itu kepada mahkamah dunia secara serentak.

Abdullah berkata menteri luar kedua-dua negara akan mengadakan mesyuarat tidak lama lagi untuk memutuskan mengenai prosedur bagi membawa perkara itu ke mahkamah dunia itu.

Kepulauan Sipadan dan Ligitan terletak di luar pantai timur negeri Sabah.

Malaysia dan Indonesia telah membuat tuntutan bertindih terhadap dua pulau kecil itu sejak tahun 1969 dan satu Kumpulan Kerja Bersama telah ditubuhkan pada 1991 bagi menentukan hak itu.

Kedua-dua negara Asean itu juga telah bertukar-tukar memorandum bagi menjelaskan pendirian masing-masing mengenai tuntutan itu.

Sebelum ini Kuala Lumpur telah mencadangkan agar perkara itu dibawa ke mahkamah dunia itu, tetapi Indonesia tidak bersetuju dengan alasan sebarang keputusan perlu dibuat melalui institusi dalam rangka kerja Asean.

Bagaimanapun Indonesia mengubah fikiran apabila Menteri Luarnya Ali Alatas semasa lawatannya ke sini tahun ini memberitahu pemberita yang Jakarta bersedia untuk merujuk perkara itu ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa hanya selepas perbincangan dua hala mengenainya gagal.

Abdullah berkata Dr Mahathir dan Presiden Suharto sama-sama berpendapat supaya perkara itu tidak dibiarkan berpanjangan dan diselesaikan sekarang selepas rundingan selama dua tahun.

Ketika ditanya oleh seorang wartawan Indonesia mengapa Malaysia tidak bersetuju perkara itu diselesaikan dalam rangkai kerja Asean (sebagaimana dicadangkan oleh Jakarta), Abdullah berkata Dr Mahathir berpendapat isu itu juga melibatkan anggota Asean yang lain seperti Filipina, Thailand dan Brunei.

"Oleh itu dalam situasi ini, adalah lebih baik perkara itu dirujuk kepada pihak ketiga dan pihak yang paling berkecuali dalam hal ini ialah ICJ," kata beliau.

Abdullah berkata kedua-dua pemimpin itu juga membincangkan banyak isu lain, antaranya ialah mengenai pekerja-pekerja Indonesia di negara ini dan pendirian kedua-dua negara mengenai Myanmar dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Mengenai pekerja Indonesia, beliau berkata Suharto telah memberitahu Perdana Menteri bahawa Indonesia bersedia untuk membekalkan lebih ramai pekerja ke Malaysia dan bersetuju supaya kemasukan mereka ke negara ini

mengikut undang-undang untuk menghindarkan masalah.

Dr Mahathir juga bersetuju untuk berkongsi pengalaman Malaysia dalam pembangunan tanah dengan Indonesia, kata beliau.

Mengenai Myanmar, Abdullah berkata Dr Mahathir dan Suharto bersetuju supaya dasar penglibatan konstruktif Asean dengan Yangon diteruskan "kerana mereka berdua berpendapat Myanmar tidak boleh dipencilkan".

Kedua-dua pemimpin itu juga bersetuju supaya Asean dengan tegas menentang isu-isu bukan perdagangan seperti hak asasi manusia dan masalah pekerja dibawa ke mesyuarat WTO (di Singapura pada Disember ini).

Mereka juga berbincang mengenai kemungkinan melibatkan ahli-ahli perniagaan Indonesia dengan projek empangan hidro elektrik Bakun, kata Abdullah.

Beliau menyifatkan mesyuarat antara Dr Mahathir dan Suharto itu sebagai "bermakna, yang membuktikan hubungan kukuh antara kedua-dua negara". --

BERNAMA

ES WAT NMO